

## KEMUDAHAN PERUBATAN PEGAWAI AWAM RAWATAN JANTUNG IJNSB

### Panduan SARAUBAT

#### 1. PERATURAN

- 1.1 Kemudahan rawatan perubatan bagi penyakit jantung disediakan percuma di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) dengan syarat pesakit diperiksa dan dirujuk oleh Pakar Perubatan mana-mana hospital Kerajaan yang berdekatan dengan tempat tinggal.
- 1.2 Pesakit yang datang terus ke IJNSB tanpa rujukan Pakar Perubatan hospital Kerajaan atau dirujuk terus oleh pengamal klinik/ hospital swasta tidak akan diberi rawatan percuma walaupun mengemukakan surat pengesahan ketua jabatan, melainkan dalam keadaan kecemasan di mana tuntutan balik perbelanjaan yang dikenakan boleh dipohon untuk pertimbangan Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

#### 2. KATEGORI YANG LAYAK

- 2.1 Anggota Perkhidmatan Awam, Suami/ Isteri;
- 2.2 Pesara yang menerima Pencen, Suami/ Isteri;
- 2.3 Anak-anak anggota/ pesara :-
  - (a) di bawah 18 tahun jika ditanggung sepenuhnya
  - (b) di bawah 21 tahun jika masih belajar
  - (c) tiada had umur bagi anak yang daif
- 2.4 Ibu bapa yang sah kepada anggota yang memilih SSB dan masih berkhidmat

#### 3. SYARAT-SYARAT

- 3.1 Pesakit perlu mendaftar di hospital Kerajaan
- 3.2 Pesakit perlu diperiksa dan dirujuk oleh Pakar Perubatan mana-mana hospital Kerajaan

#### 4. PENGENALAN DIRI

- 4.1 Anggota/ keluarga yang mendapat rawatan di IJNSB perlu membawa Surat Pengesahan dari Ketua Jabatan;
- 4.2 Pesara/ keluarga perlu membawa kad pesara. Keluarga yang layak yang tidak dicatat dalam kad pesara perlu pengesahan daripada Bahagian Pencen, JPA.

#### 5. WANG CAGARAN WAD

- 5.1 Pesakit yang dimasukkan ke wad perlu membawa wang cagaran seperti berikut :-

Kelas 1 bilik satu katil	RM100.00
Kelas 1 bilik dua katil	RM80.00
Kelas 2 bilik dua katil	RM60.00
Kelas 2 bilik lima katil	RM30.00

## 6. CAJ WAD

6.1 Caj wad di IJNSB ditanggung oleh Kerajaan. Pesakit hanya akan dikenakan bayaran wad mengikut kadar kelayakan sepertimana yang ditetapkan di hospital Kerajaan. Kelayakan dan kadar bayaran wad adalah seperti berikut :-

Kelas Wad	Bayaran Sehari
Kelas 1 bilik satu katil	RM10
Kelas 1 bilik dua katil	RM8
Kelas 2 bilik dua katil	RM6
Kelas 2 bilik lima katil	RM3

6.2 Bagi kes ibu menemani anak di wad, akan dikenakan setengah daripada caj wad yang berkenaan di samping caj wad bagi anak berkenaan.

## 7. PENJELASAN PERATURAN

Untuk penjelasan lanjut mengenai kemudahan di IJNSB, sila rujuk surat edaran Kementerian Kesihatan Malaysia (Bahagian Kewangan) Ruj. (68) dlm.KKM 203/30 Bhg. 5 bertarikh 16 September 1997 bertajuk ***“Panduan Mengenai Kemudahan di Institut Jantung Negara Sdn Bhd (IJNSB) Bagi Golongan Pesakit Di Bawah Tanggungan Kerajaan Persekutuan – Kemudahan Perubatan Bagi Pegawai Kerajaan”***

## 8. ANGGOTA/ PESARA BUKAN PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan yang menerima pakai Perintah Am Bab 'F' hendaklah menanggung kesemua perbelanjaan rawatan perubatan jantung di IJNSB yang terlibat bagi anggota/ pesara dan keluarga mereka.

## 9. PERTANYAAN

Sila hubungi alamat di bawah atau telefon 03-2940212, 03-2938444 atau faks 03-2940128

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia  
 Jabatan Perkhidmatan Awam  
 Bahagian Saraan  
 Blok C, Aras 4  
 Kompleks Jabatan Perkhidmatan Awam  
 Jalan Tun Ismail  
 50510 Kuala Lumpur